



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

SABTU, 17 JULAI 2021

| | |
|----------|--|
| 1 | Hidup berteman 25 ekor kucing jalanan |
| | |

OLEH

SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Hidup berteman 25 ekor kucing jalanan

Wanita warga emas belanjakan sebahagian gaji setiap bulan beli makanan dan kos rawatan

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI

SEBEMBAN

Zuridah menjaga kucing-kucingnya dengan baik.



Kasih terhadap kucing jalanan mendorong seorang wanita warga emas membelanjakan sebahagian gajinya pada setiap bulan untuk membeli makanan serta kos rawatan untuk haiwan berkenaan.

Bermula hanya seekor kucing pemberian rakan sebilikanya, Zuridah Haris, 60, kini mempunyai 25 ekor kucing yang berkongsi rumah dengannya di Taman Unian di sini.

Memuat Zuridah, semua itu dilakukan kerana kasih sayangnya terhadap haiwan berkenaan yang sudah dianggap sebagai ahli keluarga.

"Dulu saya tak berapa suka kucing. Tapi suatu hari teman sebuk saya bawa buluk kucing. Lama-kelamaan saya jadi kasih pada haiwan itu."

"Sejak itu saya mudah rasa kasih kepada kucing. Kucing yang kena langgar (dengan kenderaan) pun saya bawa buluk dan cuba merawatnya," katanya selepas menerima kunjungan dan bimbingan daripada Perubuhan Kebajikan Asnaf Setia Kasih Negeri Sembilan (Perkasih N9) di sini pada Isnin.

Berikutan sikapnya yang suka membatu kucing yang dalam kesakitan, Zuridah pernah berutang sehingga RM1,000 dengan sebuah klinik haiwan kerana tidak mampu membayar kos rawatan.

Ujarnya, umuk kos penjagaan kesemua kucing jajannya, dia perlu memperuntukkan sehingga RM1,000 setiap bulan.

"Banyak kos umuk juga kucing ini. Biasanya saya akan beli makanan kucing sebanyak tiga kilogram kerana bukan umuk beri makan kucing di rumah, tapi untuk kucing jalanan juga."

"Saya juga akan membawa buluk makanan lebihan yang ada di hotel tempat kerja untuk diberi makan kepada kucing. Dan pada situ dapatlah saya berjimat," katanya yang bekerja sebagai pembantu dapur di sebuah hotel di sini dengan pendapatan RM1,200 sebulan.

Zuridah bagaimanapun berkata, disebabkan pandemik Covid-19, ada ketikanya dia kekurangan wang untuk membeli makanan dan kos penjagaan ke-



Zuridah bersama sebahagian daripada 25 ekor kucing-kucing kesayangannya di rumahnya di Taman Unian, Seremban.

semua kucingnya itu.

Katanya, jika dulu dia boleh tambah pendapatan dengan kerja lebih masa, tetapi tidak lagi sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Saya perlu bayar sewa rumah dan belanja harian lagi. Tapi mujarab adik saya membantua."

"Tapi walau macam mana susah sekalipun, saya tidak akan buang seintula kucing-kucing yang saya sudah jaga. Saya percaya haiwan ini pembawa rezeki," ujarnya.

Tambahnya, kesemua haiwan itu juga akan menjadi peneman hidupnya dalam menghabiskan usia tuanya.

Sementara itu, Pengerusi Perkasih N9, Norfadiah Mansor berkata, beliau kagum kesungguhan wanita yang sudah berusia ini hidup dikelilingi kucing walaupun bukan dalam keadaan senang.

"Kami mengunjungi dan menghulurkan bantuan berupa barangan dapur bagi meringankan bebannya. Dia bukan sahaja memberi makan kucing terbuar tetapi juga anjing terbuar di sekitar bandar Seremban."

"Usaha ini harus dipuji kerana dia bukan orang senang dan juga tidak mendapat bantuan mana-mana pihak walaupun yad," katanya.